

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

5 March 2016

Sanggup duduk semeja walaupun pernah bermusuhan

Langkah janggal Dr. M, pembangkang

Oleh HUSSAINI AMRAN
dan SYUKRI SHAARI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 MAC

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengambil langkah yang agak janggal apabila beliau sanggup duduk semeja dengan musuh-musuh politiknya semata-mata untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Situasi itu dapat dilihat dalam sidang akhbar 'Selamatkan Malaysia' di sini hari ini yang turut dihadiri pemimpin-pemimpin pembangkang seperti Penasihat DAP, Lim Kit Siang; Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Presiden PAN, Mohamad Sabu dan Pengarah Pilihan Raya Pas, Datuk Mustafa Ali.

Sementara itu, tokoh-tokoh UMNO yang hadir seperti bekas

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir kelihatan agak kurang selesa duduk bersebelahan pemimpin-pemimpin pembangkang yang pernah 'menyerang' mereka.

Tidak dapat dipastikan sama ada konsensus yang janggal itu akan berkekalan memandangkan mereka tidak mencapai kesepakatan dalam beberapa isu.

Presiden Persatuan Hak Asasi Manusia (Hakam), Datuk S. Ambiga dalam sidang akhbar tersebut menggesa pembebasan Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada hukuman penjara sebagai dijadikan salah satu agenda gerakan tersebut.

Walau bagaimanapun, Dr. Mahathir enggan mengulas tentang agenda pembebasan Anwar dengan memberi alasan gerakan berkenaan lebih mengutamakan usaha menjatuhkan Najib.

Berhubung kemungkinan pemimpin DAP dilantik sebagai Perdana Menteri sekiranya gerakan itu berjaya mencapai matlamatnya, beliau berkata, rakyat berhak mengundi mana-mana parti politik pada pilihan raya umum yang bebas.

"Kalau rakyat hendak pilih DAP, itu masalah merekalah. Itu hak mereka, takkan kita kata DAP tak boleh bertanding," jelasnya.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Proton Holdings Bhd. (Proton) dan Penasihat Petrolia Nasional Bhd. (Petronas) tidak menyatakan sama ada beliau akan meletakkan jawatan dalam dua syarikat milik kerajaan (GLC) tersebut.

"Kita tidak suruh sesiapa letak jawatan dari mana-mana (GLC)," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin memberitahu, beliau menghadiri sidang akhbar tersebut sebagai seorang warganegara Malaysia dan bukannya sebagai ahli UMNO.



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersama Muhyiddin Yassin, Mukhriz Mahathir (kanan) serta beberapa pemimpin pembangkang mengangkat tangan selepas sidang akhbar 'Selamatkan Malaysia' di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI